

KEBUDAYAAN ISLAM

Alim Ulama Islam Dan Kemajuan Ilmu Pengetahuan

Alim ulama dan ahli-ahli pengetahuan Islam telah memikul tanggungan yang besar pada menyelidik dan mencipta ilmu pengetahuan mulai dari pertengahan kurun masihi yang kedelapan hingga pertengahan kurun masihi yang kedua belas. Pada zaman itu bahasa Arablah yang menjadi bahasa ilmu pengetahuan – sebelum timbul zaman kebangkitan ilmu pengetahuan Eropah – dan bahasa Arablah juga yang menjadi bahasa kebudayaan yang am, bukan sahaja untuk umat Islam, bahkan untuk segala umat dan masyarakat yang telah mengambil tamadun Islam, seperti orang-orang Kristian, Yahudi, Parsi, Turki dan bangsa-bangsa yang lain.

Kecerdasan akal, sebagaimana yang dibuktikan oleh sejarah, bukanlah suatu hak dipusakai oleh sesuatu bangsa dan sesuatu masyarakat, tetapi kecerdasan akal itu ialah hasil kehidupan yang berjalan dengan tetap dan tenang, yang sunyi daripada bencana alam atau peperangan atau pun kezaliman dari pemegang teraju pemerintahan yang bermaharajalela. Alam kehidupan telah menimbulkan orang-orang yang bijak pandai ialah ketika adanya suasana yang aman dan kehidupan yang makmur, pada tiap-tiap zaman, dan pada tiap-tiap bangsa dan agama. Sesuatu masyarakat makin diliputi oleh ketenteraman dan kemakmuran, maka makin xxxx anak-anak masyarakat itu

berkesanggupan mencipta sebahagian besar dari ilmu pengetahuan.

Kesan-kesan dan buktinya

Kesan-kesan yang menjadi bukti, sebagaimana yang dicatat oleh sejarah, ialah bahawa pemerintahan Islam (yang telah tegak dimerata-rata dunia) telah memberi sebesar-besarnya dalam lapangan pertanian dan perniagaan, dan telah menjadi penabung kepada ilmu pengetahuan dan kepandaian, maka hasilnya orang-orang Islam telah memberi sebesar-besarnya khidmat dalam perkembangan dan kemajuan ilmu pengetahuan.

Ahli-ahli sejarah, penulis-penulis riwayat hidup dan alim ulama telah meninggalkan kepada kita perbendaharaan yang besar dari kitab-kitab ilmu pengetahuan, yang sebahagian besarnya dipunah-kan oleh langgaran bangsa Monggol di timur, dan mahkamah-mahkamah pemerikasaan di negeri Sepanyol di barat. Manakala yang bakinya telah berkekalan di dalam tangan setengah daripada orang-orang yang jahil dari kalangan umat Islam, mereka pun memeliharanya sebagai suatu pusaka peninggalan nenek moyang, ataupun mereka menjualnya lalu terlepas ke tangan orang-orang asing dan tersimpan dalam kutubkhanah- kutubkhanah Eropah dan Amerika.

Mujurnya orientalis-orientalis barat xxxxxx

lalu mereka mencetak dan xxxxx



Suatu pemandangan dalam majlis sharahan *mawlid al-nabiy* yang diadakah oleh Persatuan Guru-Guru Agama Singapura dihalaman Madrasah al-Sagoff al-‘Arabiyyah pada bulan yang lalu. Majlis itu telah diserikan oleh faḍīlah al-Ustādh Sanusi Mahmud yang baharu tiba dari Mesir dengan memberi sharahan.

Dari kiri: Al-Ustadh Ahmad Zahari Mutmim (Mudir Madrasah al-Sagoff), al-Ustādh Daud Ali (Yang Dipertua (“Pergas”)), al-Ustādh Sanusi Mahmud, al-Ustādh Yunus Husain al-Najari dan al-Ustādh Idris Ahmad (Setiausaha “Pergas”).

kitab-kitab Islam yang tersebut lama terpendam di negeri-negeri mereka dan hampir-hampir dilupai. Dengan itu mereka telah berkhidmat kepada tamadun dunia amnya, dan kebudayaan Islam khasnya.

Zaman terjemah menterjemah

Langkah pertama orang-orang Islam dalam lapangan ilmu pengetahuan telah dimulakan dengan xxxx terjemah menterjemah

daripada bahasa-bahasa Greek dan Parsi, tetapi lama kelamaan mereka kelihatan dengan jelas mempunyai pendirian yang tersendiri. Mereka pun menyelidik dan mengarang sebaik-baik sahaja tiba kurun masihi yang kesembilan, maka nyatalah kurun itu ialah “zaman Islam”. Orang-orang Islam pada zaman itu telah membawa panji-panji ilmu pengetahuan, sebagaimana juga mereka telah menjadi pemimpin dalam lapangan tamadun dan kemajuan. Kemasyhuran al-Kindī,

al-Khawārizmī, al-Farghānī dan lain-lainnya telah bergema di segala sudut ilmu akal: dalam ilmu hisab dan segala cawangannya, ilmu falak, ilmu falsafah, ilmu muzik dan ilmu-ilmu pengetahuan yang lain-lain lagi. Penyelidikan al-Farghānī dalam lapangan ilmu falak telah berkekalan menjadi hujah pegangan ahli-ahli pengetahuan, sehinggalah kurun masihi yang kelima belas, dan telah diterjemahkan pula ke bahasa Latin dan bahasa Ibrani (Yahudi). al-Farghānī ini telah mengukur bulatan bumi dan telah banyak mengetahui akan jarak jauh di antara sebuah bintang dengan bintang-bintang yang lain, dan juga telah mengira akan besar bulatan setengah-setengah bintang-bintang itu.

Abu Mash'ir pula, telah menghuraikan kesan dan kuasa penarik bulan kepada pasang dan surutnya air laut.

al-Baṭṭānī pula telah menyusun satu jadual yang mengandungi 880 buah bintang. Dia juga telah mengenal akan kumpulan bintang yang beribukan matahari, dan telah dapat menyingkap rahsia beberapa masalah dalam ilmu falak, yang akhirnya telah dapat dihasilkan oleh ahli-ahli pengetahuan zaman sekarang. Demikian pula Abu Kāmil ibn Aslam (ahli ilmu algebra) dan Ibrahim bin Sinān (ahli ilmu ukur) adalah keduanya semasyhur-masyhur ahli kitab yang telah menghiasi zaman al-Mas'udiy ahli tarikh yang kebilangan.

Kita dapati ahli-ahli falsafah Islam sangat luas pengetahuan mereka. Abu Zakaria al-Rāzī – yang sangat terkenal kepada ahli-ahli pengetahuan barat – bukan sahaja seorang ahli perubatan yang mahir, tetapi juga seorang ahli ilmu tabi'i secara amalan dan juga ahli kimia. Ia telah meninggalkan penyelidikan-penyelidikan yang berharga dalam ilmu perubatan, dan telah mendahului lapuzaiiyah dalam penyelidikan tentang tabiat-tabiati kimia, (Lapuzaiiyah: seorang ahli pengetahuan Perancis yang

masyhur telah mencipta dan mengasaskan ilmu kimia cara baharu. Diperanakan pada tahun 1743 dan mati dipancung dengan gilotinne pada tahun 1794).

Sebarang zaman sahaja akan berasa bangga dengan ahli-ahli pengetahuan Islam, seperti Abdul Rahman al-Ṣauḫī, Ibn Yūnus, Ibn Haytham, al-Birūnī, Ibn Sīnā, Umar al-Khayyām dan Ibn Rushd.

Abdul Rahman al-Ṣauḫī ialah seorang ahli falak dan peneropong bintang-bintang yang pilihan. Kitabnya “Gambaran Bintang-Bintang” (*Suwar al-Kawākib*) masih berkekalan menjadi umbi bagi penyelidikan alam langit. Ibn Yūnus pula telah membuat jadual-jadual di bandar Kaherah yang telah membawa kepada tersingkapnya beberapa rahsia ilmu falak yang sangat-sangat berharga. Akan Ibn Haytham pula, maka ia seorang ahli ilmu kejadian tabi'i yang ulung. Kitabnya dalam ilmu penglihatan telah dapat membetulkan beberapa kesalahan dalam banyak teori mengenai sifaa-sifat penglihatan mata.

Penyelidikan-penyelidikan al-Birūnī pula telah meletakkan dia dalam barisan yang di hadapan sekali dari barisan-barisan ahli-ahli falak. Manakala kitab *al-Qānūn* hasil penyelidikan Ibn Sīnā dalam ilmu perubatan masih berkekalan menjadi umbi dalam lapangan itu. Kemasyhuran Umar al-Khayyām pula, sebagai seorang ahli ilmu hisab adalah mengatasi kemasyhuran sebagai seorang penyair yang telah mencengangkan dunia dengan keindahan syair-syairnya dalam bentuk dan isinya.

Ibn Rushd – begitu juga al-Fārābī – bukan sahaja setanding dengan Aristotle, bahkan Ibn Rushd telah mengatasi dengan beberapa pandangan baharu, di antaranya mengetahui akan tompok-tompok hitam pada matahari dan ciptaannya akan alat-alat pengukur yang amat haluman wa xxxxx xxxx terjemahan Muhammad al-Shafi'i yang lima buah,

yang diterjemahkan daripada tujuh buah kitab-kitab karangan Apollonius, adalah menjadi punca pengambilan yang tunggal yang telah diketahui oleh dunia melaluinya. Manakala Nasīruddin al-Tusi pula ialah ulama yang kenamaan pada zaman dahulu Hulagu, ia telah menyusun kitabnya yang terkenal dalam ilmu ukur dan telah membahas faham-faham Euclides dengan bahasan yang telah diambil oleh Sirulanu Sakiri lalu membina di atasnya ilmu ukur yang tidak menurut cara Euclides. Salah seorang murid kepada Nasiruddin ini telah menghuraikan asal usul terjadinya “pelangi” dan dengan itu ia telah mendahului “Descartes” dalam hal ini dengan tiga kurun. (Descartes ialah seorang ahli falsafah, perubatan dan ilmu ukur bangsa Perancis. Mati di bandar Stockholm, dalam masa mengubati Permaisuri Sweeden, pada tahun 1650).

Berapa banyak pula perkara-perkara berharga mengenai ilmu iqtisad, ilmu alam dan ilmu bangsa-bangsa, kita dapati dalam kitab-kitab pengembara-pengembara Islam seperti Ib Al-Huqal, Ibn Jabīr dan Ibn Baṭṭūtah. Selain daripada itu, kitab-kitab Yāqūt Al-Hamawī dan Al-Idrīsī masih menjadi pegangan dan mendatangkan hasil yang baik.

al-Zahrāwī pula ialah sebenar-benar ahli *‘ulum al-tashriḥ* (ilmu hurai tubuh dan belah membelah) pada zamannya. Kitabnya *‘al-taṣrīf*” telah menyebutkan banyak perkara yang sangat berguna. Sepenggal dari kitabnya itu, yang mengenai ilmu hurai tubuh, telah dicetak oleh universiti-universiti Venice dan Oxford.

Ibn al-Nafīs pula menyusun kitab-kitab mengenai hadis, ilmu penyakit-penyakit mata, dan khasiat-khasiat makanan. Di dalam kitabnya *“Sharah Tashriḥ Ibn Sina”* (Huraian Karangan Ibn Sīnā, yang xxxxx ilmu hurai tubuh), telah

diterangkan akan kerja jantung dalam membahagikan darah ke seluruh tubuh. Ahli-ahli perubatan dari kalangan umat Islam sangat terkemuka dalam ilmu penyakit-penyakit mata. Kitab *“Nūr al-Uyūn”* yang telah di karang oleh Ṣalāḥ al-Dīn bin Yūnus adalah menjadi tumpuan ahli-ahli perubatan dalam beberapa kurun kemudian daripada matinya.

Memandang kepada murahnya hasil-hasil perusahaan tangan -dalam kurun-kurun pertengahan – dan murahnya binatang-binatang pengangkutan, serta kurangnya pula kehendak orang ramai kepada benda-benda dan alat-alat kemewahan, maka tenaga orang-orang Islam pada zaman itu tidak ditumpukan kepada mencipta jentera-jentera. Dalam pada itu, orang-orang Arab telah mengenal akan jam yang berjalan dengan kuasa air, dan telah menyelidik tentang kuasa air dan alat-alat pemancut air. Mereka juga telah mengenal akan ubat bedil, dan menggunakan kompas dalam pelayaran di laut. Ibn Majid telah memandu kapal layar Vasco Da Gama ke India. (Vasco Da Gama: seorang ahli pelayaran Portugis yang mula-mula mengenal jalan Tanjung Harapan dengan menyusur pantai-pantai Afrika, dalam pelayaran ke India pada tahun 1498).

Orang-orang Arab telah mengenal akan rumput dan akar-akar ramuan ubat, dan telah mengembara merata-rata dunia untuk mencarinya. Tidaklah berlebihan apabila kita berkata: bahawa orang-orang Arab telah memulakan pertanian di Semenanjung Sepanyol dengan cara yang berdasarkan alam, dan dari sana cara itu telah tersiar ke Eropah. Usaha mereka tidak pula terhad kepada tumbuh-tumbuhan, tetapi telah melampauinya kepada ilmu haiwan. Mereka juga telah mengenal “teori kemajuan makhluk”, iaitu telah dikenal oleh al-Nizām pada tahun 845M. Kisah *“Hayy bin Yaqzān”* yang di karang oleh Ibn Tufayl tidaklah lain daripada

sebuah kisah berdasarkan ilmu secara kasar tentang teori kemajuan makhluk yang tersebut.

Di sisi kemasyhuran Jābir bin Hayyān dalam ilmu algebra, maka ia juga terkenal sebagai sebenar-benar penyelidik kimia pada sebelum zaman kebangkitan ilmu pengetahuan Eropah.

Maklumat-maklumat ini dan yang seumpamanya adalah kami memetikinya daripada ensiklopedia-ensiklopedia Islam, yang telah

di susun oleh Ibn Al-Nadīm al-Warāq, Ibn Abi Aṣīb‘ah, Yāqūt al-Hamuy, Ibn Khallikān dan – lain-lainnya lagi.

Sebagai penutup, kami tidak lupa akan penyelidikan-penyelidikan Ibn Khaldūn dalam ilmu bermasyarakat yang telah mendahului August Kunt, yang orang-orang barat mengatakan – kononnya – bahawa dialah (Kunt) pencipta ilmu yang tersebut itu.

- Dari “majalah al-Azhar”

DI-SEBUT DI-DALAM

SIARAN PEJABAT PELAJARAN SELANGOR

No. 16/58.

(Bahagian Melayu)

Sepuluh buku² penerbitan Qalam ada-lah di-sebut di-dalam Siaran Pejabat Pelajaran Selangor sa-bagai buku² yang telah di-semak.

Saya berpendapat buku² ini ada-lah sangat sesuai di-jadikan buku² tambahan bacaan dan buku² Kutub Khanah di-Sekolah² Umum Selangor,” kata Ketua Pegawai Pelajaran Selangor.

Buku² itu ia-lah:

1.	Surat Menyurat (rumi)	\$2.00
2.	Balek Dari Medan Perjuangan	1.00
3.	Sisa Neraka Dunia	1.20
4.	Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang	2.00
5.	Tinjauan Sastera	1.50
6.	Keris Sempena Riau	1.00
7.	Tunas Baru Buku A.B.C	1.50
8.	Panduan Membacha dan menulis jawi	1.50
9.	Bacha I (jawi)	1.00
10.	Surat Menyurat (jawi)	1.80

Buku² Rumi Qalam

BUKU² CHERITA SEJARAH

1.	Cherita ² Sejarah 1	\$1.00
2.	Cherita ² Sejarah 2	1.00
3.	Bangkai Bernyawa	1.00
4.	Sisa Neraka Dunia	1.20
5.	Balek dari Medan Perjuangan	1.00
6.	Keris Sempena Riau	1.00

BUKU² SASTERA dan KEBUDAYAAN

7.	Teras Kebudayaan Nasional	1.50
8.	Kesan Kesusasteraan Tua Di-Tanah Ayer	2.00
9.	Tinjauan Sastera Tanah Ayer	1.50

BUKU² PENGETAHUAN dan CERITA

10.	Surat Menyurat	2.00
11.	Pendidekan	1.20
12.	Akhlak	1.20
13.	Sejarah Perak Dahulu Dan Sekarang	2.00
14.	Jalan Ka-Kota Bharu	1.50
15.	Penglipor	1.50

BUKU² SEKOLAH

16.	Tunas Baru Buku A.B.C (tiga warna)	1.50
17.	Tunas Baru (buku pertama)	1.00
18.	* ” “ (buku kedua)	
19.	* Senang Bacha I (untuk pelajar bukan Melayu)	
20.	* “ “ II	

*Buku ini siap awal bulan Disember 1958